

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 03 MAC 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9

Kerajaan peruntuk dana RM1 billion

Kerajaan peruntuk dana RM1 bilion

Bagi melahirkan generasi baharu usahawan bumiputera

PUTRAJAYA

Kerajaan akan memperuntukkan dana berjumlah RM1 bilion bagi melahirkan generasi baharu usahawan bumiputera dalam bidang pertumbuhan tinggi yang akan dikendalikan oleh syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, dana tersebut bertepatan dengan hasrat dan syor dihujahkan semasa Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB 2024) yang berlangsung selama tiga hari bermula 29 Februari iaitu bagi mewujudkan sebuah Dana-Pemacu Transformasi Bumiputera.

"Kita mampu mencipta lebih

banyak syarikat usahawan bumiputera berjaya seperti Aerodyne yang berjaya menembusi pasaran global dalam perkhidmatan dron.

"Kita juga harus berbangga dengan kejayaan Les Copaque dan Animonsta yang mengungguli industri karya kreatif.

"Begitu juga dengan kejayaan ramai usahawan muda yang memanfaatkan sepenuhnya kelebihan teknologi digital baharu untuk berniaga seperti Khairul Aming," kata beliau dalam ucapan khas pada majlis penutup KEB 2024 di sini pada Sabtu.

Pada masa sama, Anwar turut mengumumkan penubuhan Tabung Wakaf Mara Madani dengan geran peluncuran berjumlah RM100 juta yang menyasarkan dana terkumpul sebanyak RM1 bilion dalam tempoh dua tahun.

Beliau berkata, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim berkenan menjadi penerima ke pada sistem wakaf itu dan prestasi inisiatif tersebut akan dilaporkan secara berkala kepada Majlis Raja-Raja Melayu.

Menurut Anwar, sistem wakaf



Anwar (tiga dari kanan) semasa gimik pelancaran Majlis Penutup KEB 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada Sabtu.

itu akan diterajui Majlis Amanah Raya (Mara) dan dilaksanakan Yayasan Pelajaran Mara selari hasrat pembumian agensi berkenaan.

"Wakaf Mara Madani akan memberi manfaat kepada 70.1 peratus rakyat bumiputera dan memastikan keterjaminan pen-

didikan, kebajikan, kesihatan, keusahawanan serta pengangkutan yang semakin mencabar di alaf baru ini.

"Pihak kerajaan turut ber-setuju melanjutkan potongan cukai bagi wakaf berasaskan saham seperti Wakaf ASNB (Amanah Saham Nasional Bhd)

dan Waqaf An-Nur di bawah Johor Corp," kata beliau.

Jelas Anwar, kerajaan akan mengkhususkan dana pembiayaan kredit mikro bumiputera sehingga RM1 bilion melalui Institusi kewangan pembangunan seperti BSN, Agrobank dan juga TEKUN Nasional. - Bernama